



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Taraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor untuk membuat tawaran bagi kerja berikut :

Bil	Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Tarikh Dan Tempat Taklimat Tender & Lawatan Tapak	Tarikh Dan Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh Dan Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen
1	KERJA-KERJA PENYELENGARAAN DAN PEMBAIKAN KOLEJ MATRIKULASI LABUAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN. KP (BPA) Ten.1/2024	<ul style="list-style-type: none">◆ Taraf Bumiputera-T1◆ CIDB Gred G7◆ Kategori : B, CE, E◆ Pengkhususan : B04, CE21, E04, E11◆ Berdaftar dengan LPIPM (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)◆ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)◆ Sijil Taraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)	<p>Tarikh: 24 Julai 2024 (Rabu)</p> <p>Pendaftaran: 9.00 pagi</p> <p>Taklimat: 9.30 pagi</p> <p>Lawatan Tapak: 10.30 pagi</p> <p>Tempat: Bilik Mesyuarat Kolej Matrikulasi Labuan (KML)</p> <p>Kehadiran taklimat tender dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN</p>	<p>25 Julai 2024 (Khamis) Sehingga 15 Ogos 2024 (Khamis)</p> <p>Tempat: Kaunter Jualan Tender Bahagian Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 5, Blok E9, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p>	<p>15 Ogos 2024 (Khamis)</p> <p>Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat: Bilik Peti Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p>	<p>RM500.00 (CD/DVD) (Tidak akan dikembalikan)</p>

2 Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai tender adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.30 petang – 4.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.45 petang – 4.00 petang

** Tutup pada Hari Kelepasan Am, Sabtu dan Ahad.

3 Pendaftaran sesi taklimat dibuka pada jam 9.00 pagi sehingga sesi taklimat bermula. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender. Kontraktor yang hadir ke Taklimat dan Lawatan Tapak hendaklah membawa bersama sijil-sijil ASAL dan SALINAN (tidak akan dikembalikan) Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera. Hanya Penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat boleh menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat yang diadakan. Kontraktor / syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam PKK, SPKK atau Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor. PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.

4 Penjualan dokumen tender hanya akan dibuat kepada kontraktor yang telah hadir ke sesi taklimat tender. Kontraktor atau wakil sah kontraktor boleh membeli dokumen tender dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa dan sijil-sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera. Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan)

5 Bayaran dokumen hendaklah dibayar atas nama KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA berpaling dalam BANK DRAF SAHAJA. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.

6 Dokumen Meja Tender akan disediakan untuk semakan pada waktu pejabat di Bahagian Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 5, Blok E9, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya sehingga tarikh tender dijadualkan ditutup.

7 Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender ditulis di sebelah atas kiri dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :-

**KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
BILIK PETI TENDER, BAHAGIAN PEMBANGUNAN,
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA.**

8 Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

9 Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.